

Larian Konvo UMS dapat sambutan hangat

UB 20.11.2013 A14

KOTA KINABALU: Kehangatan Majlis Konvokesyen Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang kini tinggal beberapa hari lagi semakin terasa.

Bagi menyemarakkan acara berprestij itu, Majlis Kepimpinan Pelajar (MPP) dengan kerjasama Pelajar Pengurusan Sains Sukan Tahun 2 dan Tahun 3 telah menganjurkan Larian Konvo UMS pada Selasa sempena pengisian Tamu Gadang 2013

yang bermula 21 November ini.

Larian sejauh 7 kilometer bermula dari Padang Kawad Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (Palapes) dan berakhir di Pusat Kegiatan Luar (ODEC) UMS. Seramai 240 pelajar telah mengambil bahagian bagi merebut empat kategori yang dipertandingkan iaitu Terbuka Lelaki, Terbuka Wanita, Sekolah Terbuka Lelaki dan Sekolah Terbuka Wanita.

Bagi kategori terbuka lelaki, Ruston Masri muncul johan dengan mengetepikan pesaing terdekatnya, Frederic Herman di tempat kedua. Manakala, tempat ketiga dimiliki Louis Muslin.

Kategori Terbuka Wanita pula menyaksikan Emily Singan terus gagah melangkah hingga ke garisan penamat untuk dinobatkan sebagai juara sekali gus menafikan harapan Chong Vun Lung yang terpaksa berpuas hati di

tempat kedua, disusuli Dora Suan di tempat ketiga.

Johan, naib johan dan pemenang tempat ketiga bagi kedua-dua kategori masing-masing menerima hadiah berupa wang tunai sebanyak RM250, RM150 dan RM80 berserta medal dan hamper.

Bagi kategori Sekolah Terbuka Lelaki pula memperlihatkan Jusli Jaiban dari Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial (SPPS) muncul johan disusuli Kenson Rubanjan dari Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial (SPKS) di tempat kedua. Manakala tempat ketiga juga dimiliki pelajar SPKS, Samzah Lawis.

Kategori Sekolah Terbuka Wanita pula menyaksikan pelajar SPKS sekali lagi mendominasi acara itu apabila pelajarnya, Hau Sui Chee dinobatkan sebagai juara. Naib johan disandang pelajar Sekolah Perhutanan Tropika Antarabangsa (SPTA), Au Hwi Ji dan tempat ketiga dimenangi oleh Wann Huzida



PARA AJK program yang terdiri daripada pelajar Pengurusan Sains Sukan UMS.

Roza Husin dari Sekolah Perniagaan dan Ekonomi (SPE).

Johan bagi kedua-dua kategori itu menerima hadiah wang tunai sebanyak RM150, medal dan hamper. Naib johan dan tempat ketiga pula masing-masing menerima

RM100 dan RM50 berserta medal dan hamper.

Kejuaraan yang diperoleh dalam kategori Sekolah Terbuka Lelaki sekali gus membolehkan SPPS membawa pulang Piala Pusingan Larian Konvo 2013.

Majlis perasmian dan

penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Pengetua Kolej Kediaman CD, Dr Mohamad Nizam Nazarudin yang mewakili Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Prof Madya Datuk Dr Kasim Md Mansur.



PARA pemenang bergambar kenangan selepas selesai acara.